

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Baca risalah pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Kad Korporat Visa Maybank. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat am.



Kad : **Kad Korporat Visa Maybank**

1. Apakah produk ini?

Kad Korporat Visa Maybank ialah kad yang menawarkan anda kemudahan dan kuasa belanja yang diperlukan untuk membayar perbelanjaan berkaitan perjalanan, hiburan dan perniagaan anda di dalam dan luar negara.

Kad ini ialah kad kredit korporat dengan amaun kredit yang diberikan oleh Bank kepada syarikat anda. Bagi apa-apa amaun kredit yang digunakan dan belum dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh perlu bayar, jumlah baki belum jelas yang belum dibayar bagi transaksi runcit dan pengeluaran/pendahuluan tunai akan tertakluk kepada caj kewangan.

Kelayakan:

Kad Korporat Visa – Semua jenis pilihan Syarikat dan liabiliti untuk memenuhi keperluan perniagaan anda;

- a) Liabiliti Tunggal: Terpakai untuk Syarikat yang ditubuhkan > 2 tahun.
- b) Liabiliti Bersesama & Berasingan: Terpakai untuk Syarikat yang ditubuhkan > 2 tahun.

2. Apakah yang akan saya terima daripada produk ini?

- i. Syarikat anda kini boleh menggabungkan semua perbelanjaan pemegang kad untuk mendapatkan rebat tunai sehingga 0.5% bagi semua transaksi runcit, kecuali petrol dan perkhidmatan kerajaan.
- ii. Insurans Kemalangan Perjalanan Peribadi percuma sehingga RM700,000, serta perlindungan Kerumitan Perjalanan bagi penerbangan sambung yang terlepas, kelewatan bagasi dan kehilangan bagasi apabila tambang perjalanan udara ditempah menggunakan Kad Korporat Visa Maybank anda.
- iii. Keistimewaan perjalanan dan hidangan eksklusif apabila pekerja anda membayar untuk produk dan perkhidmatan melalui Kad Korporat Visa Maybank mereka di kedai terpilih.
- iv. Memperkenalkan Penyelesaian Komersial Visa yang dibangunkan khas oleh Visa untuk pakar perniagaan. Tawaran keistimewaan menyeluruh ini direka untuk meningkatkan kecekapan proses perniagaan anda dan menambah baik pendapatan bersih anda. Tawaran merangkumi Penginapan, Perjalanan Perniagaan, Perkhidmatan Perniagaan, Bekalan Pejabat, Makanan dan Minuman (F&B) dan IT & Komunikasi.
- v. Pengurusan Aliran Tunai Fleksibel – Nikmati sehingga 56 hari tempoh tanpa faedah jika anda telah membayar penyata bulan lepas sepenuhnya.
- vi. Nikmati Pelan Ansuran EzyPay 0% dengan Kad Korporat Visa Maybank yang membolehkan perancangan kewangan yang lebih mudah. Tempoh Pelan Ansuran 0% terpakai sehingga 36 bulan dan berbeza mengikut setiap peruncit (sehingga 50% daripada Had Kredit yang tersedia).
- vii. Talian Khidmat Pelanggan Korporat yang khusus untuk pertanyaan dan nasihat tentang akaun Kad Korporat Visa anda.
- viii. Kad Korporat Visa mempunyai beberapa pilihan liabiliti yang direka untuk memenuhi keperluan organisasi anda. Daripada tanggungjawab penuh syarikat untuk bayaran hinggalah tanggungjawab penuh Pemegang Kad individu untuk bayaran:
 - a) Liabiliti Tunggal – Syarikat bertanggungjawab secara tunggal untuk semua bayaran.
 - b) Liabiliti Bersesama dan Berasingan – Syarikat bertanggungjawab untuk jumlah hutang setiap kad yang dikeluarkan atas namanya, berserta setiap pemegang kad (pekerja) yang bertanggungjawab secara bersesama untuk hutang yang ditanggung di bawah kad yang dikeluarkan kepada individu tersebut.
 - c) Liabiliti Individu – Pemegang kad individu bertanggungjawab secara tunggal terhadap pembayaran balik dan syarikat tidak mempunyai obligasi pembayaran balik (hanya terpakai) untuk pemilik perniagaan, pemilik tunggal dan pengendørsan klien MNC yang diluluskan.

Rebat tunai dikira pada hujung bulan kalendar dan akan dikreditkan pada permulaan bulan berikutnya ke dalam akaun kad anda dan nilai ini akan dipaparkan dalam penyata akaun anda bagi bulan itu.

Maybank akan mendebit atau menolak rebat tunai bagi transaksi pembayaran balik oleh kedai. Amaun tersebut akan dicaj kepada Pemegang Kad dalam penyata akaun bulan berikutnya.

Di bawah ialah contoh pengiraan rebat tunai:-

Contohnya Transaksi Bulan Jun dalam jumlah agregat sebanyak RM1,000

Penyata Kad setakat bulan Julai	(RM)
Transaksi bulan Jun	1,000.00
Rebat bulan Jun 0.5%	-5.00
Jumlah Pembayaran	995.00

Contohnya Transaksi Bulan Jun dalam jumlah agregat sebanyak RM1,000 dan amaun transaksi Pembayaran Balik oleh Kedai sebanyak RM200

Penyata Kad Bulan Julai	(RM)
Transaksi bulan Jun	1,000.00
Rebat bulan Jun 0.5%	-5.00
Bayaran Balik	-200.00
Caj Balik Rebate Tunai	+1.00
Jumlah Pembayaran	796.00

Jumlah transaksi bulanan terkumpul yang kurang daripada RM200 tidak layak mendapat Rebate Tunai.

3. Apakah obligasi saya?

- Bayaran minimum tertakluk kepada 5% daripada baki belum jelas atau RM50, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Caj bayaran lewat akan dikenakan bagi transaksi runcit dan pengeluaran/pendahuluan tunai yang belum dibayar jika Syarikat atau Pemegang Kad gagal membuat bayaran minimum pada atau sebelum tarikh perlu bayar seperti yang dinyatakan dalam penyata.

- Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Maybank dalam tempoh 20 hari selepas tarikh tutup tempoh pengebilan seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun jika berlaku pertikaian atau percanggahan.
- Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian Kad Korporat. Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank melalui telefon, faks atau e-mel dengan segera selepas menyedari tentang kehilangan atau kecurian dan mengesahkannya secara bertulis kepada Maybank.
- Tempoh tanpa faedah: Sehingga 56 hari, dengan syarat tiada baki belum jelas dalam akaun kad kredit.
- Semua transaksi runcit dan pengeluaran/pendahuluan tunai belum jelas akan dikenakan Caj Kewangan yang dikira setiap hari jika bayaran tidak diterima SEPENUHNYA pada atau sebelum tarikh perlu bayar penyata.
- Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25 yang dikawal oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 akan dikenakan ke atas setiap Kad Kredit/Caj Prinsipal dan Tambahan selepas pengeluaran kad dibuat dan pada ulang tahun kad berkuat kuasa 1 September 2018.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Rujuk NOTA untuk butiran yuran.

5. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Caj bayaran lewat: 1% daripada baki belum jelas yang belum dibayar setakat tarikh penyata anda atau minimum sebanyak RM10.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi sehingga maksimum sebanyak RM100.00.
- Hak untuk tolak selesai: Kami berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang disenggara dengan kami untuk mana-mana baki belum jelas dalam Kad Kredit ini dengan memberikan notis hari kalendar terlebih dahulu tentang hasrat kami untuk menolak selesai.
- Liabiliti Bersesama & Berasingan: Syarikat dan Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab terhadap semua caj dan pendahuluan walau apa pun yang timbul daripada semua transaksi yang dijalankan dengan menggunakan Kad Kredit.
- Liabiliti Individu: Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab untuk semua caj dan pendahuluan walau apa pun yang timbul daripada semua transaksi yang dijalankan dengan menggunakan Kad Kredit.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

6. Bagaimanakah jika saya menyelesaikan sepenuhnya baki sebelum tarikh matang? (Bagi pelan pemindahan baki ataupun pembayaran fleksible)

- Tempoh ansuran: sehingga 36 bulan.
- Penalti penyelesaian awal: Tidak dikenakan.
- Untuk mengelakkan caj kewangan dikenakan, semua Ahli Kad yang telah melanggan pelan pembayaran balik bulanan 'sifarfaedah/tanpa faedah' dikehendaki untuk membayar ansuran bulanan yang ditetapkan oleh Bank pada masa Pelan Pembayaran Ansuran dimasukkan ke dalam "Ansuran Bulanan" sepenuhnya. Dalam hal ini, Ahli Kad memilih untuk membayar hanya amaun minimum sebanyak lima peratus (5%) daripada baki yang masih belum dibayar di bawah Pelan Pembayaran Ansuran ('Baki Belum Jelas') atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50), mengikut mana-mana yang lebih tinggi, dan bukannya Ansuran Bulanan penuh, Ahli Kad akan bertanggungjawab untuk caj faedah ke atas Baki Belum Jelas.

7. Apakah risiko utama?

- Dengan membayar hanya pembayaran balik bulanan minimum, amaun faedah dan masa yang diambil untuk menyelesaikan amaun penuh akan bertambah. Fikirkan tentang keupayaan pembayaran balik anda semasa mengecaj Kad Kredit.
- Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki runcit dan pendahuluan tunai belum jelas bagi kad kredit ini adalah berdasarkan struktur harga bertingkat mengikut sejarah pembayaran balik anda.
- Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera selepas mendapati bahawa kad kredit anda hilang atau dicuri

8. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan atau penyelesaian?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau pertanyaan tentang kad kredit, sila rujuk laman web www.maybank.com.my atau sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Ketua, Penglibatan Pelanggan

Tingkat 7, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur atau mana-mana cawangan Maybank berhampiran

Telefon: **1300 88 6688 / 1800 88 9559** atau **+603-7844 3595** (panggilan dari luar Malaysia)

E-mel: **businesscard@maybank.com.my**

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:-

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 1, Menara Aras Raya, Jalan Raja Laut, City Centre, 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Telefon: **03-2616 7766**

- Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

Maybank Card Center

Tingkat 7, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur

Telefon: **1300 88 6688 / 1800 88 9559**

E-mel: **mbbcardservices@maybank.com.my**

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia

Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Telefon: **1300 88 5465**

Faks: **03-2174 1515**

E-mel: **bnmtelelink@bnm.gov.my**

NOTE

• Yuran/Caj untuk Kad Korporat Visa Maybank

Fi tahunan	RM 130.00
Fi pendahuluan tunai	Kadar rata sebanyak 5% daripada jumlah amaun pendahuluan tunai atau minimum RM18.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
Fi penggantian kad	RM50.00 bagi setiap penggantian kad.
Fi permintaan draf jualan	Draf Jualan asal pada harga RM15.00 bagi setiap salinan.
Fi permintaan penyata tambahan	Permintaan Penyata Kad - Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) bagi setiap salinan untuk setiap bulan (tempoh penyata di bawah 2 tahun) dan Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) bagi setiap salinan untuk setiap bulan (tempoh penyata lebih 2 tahun).
Cek tak laku	RM100
Transaksi luar negara	Mata wang transaksi yang dijalankan di luar Malaysia akan ditukar kepada Dolar AS sebelum ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh rekod transaksi diterima dan/atau diproses oleh kami. Amaun yang ditukar akan ditunjukkan dalam penyata anda. Kadar pertukaran yang digunakan untuk pertukaran tersebut mungkin berbeza daripada kadar lazim pada tarikh transaksi akibat turun naik pasaran. Kadar pertukaran yang digunakan untuk pertukaran mencerminkan himpunan (i) komponen pertukaran mata wang sebanyak 1.25% yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International (dalam kes Kad Kredit Visa atau Mastercard), (ii) 1% atau kadar lain yang dikenakan oleh kami dari semasa ke semasa.
Cukai perkhidmatan	Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25.00 yang dikawal oleh Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dikenakan selepas pengeluaran kad dan pada setiap tahun atau bahagian berikutnya.

Caj kewangan; sila rujuk jadual di bawah

	Kadar Faedah	
	Sebulan	Setahun
Bagi pembayaran balik segera selama 12/12 bulan	1.25%	15%
Bagi pembayaran balik segera selama 10/12 bulan	1.42%	17%
Bagi pembayaran balik segera kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%
Pendahuluan Tunai	1.50%	18%

Nota : Untuk menikmati caj Kewangan yang lebih rendah, anda hendaklah membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan terakhir. Caj Kewangan dikenakan ke atas transaksi runcit dan pendahuluan/pengeluaran tunai belum jelas yang belum dibayar selepas tarikh perlu bayar. Bagi transaksi runcit, caj kewangan dikira dari tarikh dipaparkan sehingga bayaran penuh dibuat. Bagi transaksi pengeluaran/pendahuluan tunai, caj kewangan dikira dari tarikh transaksi sehingga bayaran penuh dibuat.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAKI KREDIT KAD ANDA

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini dikeluarkan pada Mac 2025 dan sah sehingga semakan semula berkala yang seterusnya.